

# PM MAHU EKSPORT TERUS TANPA MELALUI NEGARA JIUN

UM 24 DEC 1987

KUALA LUMPUR 23 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu para pengekspart tempatan berusaha meningkatkan eksport mereka terus ke negara pengimport dan tidak melalui negara jiran. Perdana Menteri berkata dengan membiarkan urusan ekpart dan import kepada agensi negara asing kegiatan - kegiatan sampingan seperti insurans dan pengangkutan yang menjadi perniagaan besar tidak memberi keuntungan dan manfaat kepada negara.

Menurutnya jika diperhatikan perdagangan antarabangsa Malaysia masih banyak lagi barangan eksport negara yong melalui negara jiran dan ini bukanlah baru disedori tetapi telah diperkatakan bertahun - tahun dahulu. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian semasa berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Pengilang - Pengilang Tekstil Malaysia di Hotel Regent di sini malam ini. Katanya, kerajaan menggalakkan para pengekspart tempatan mencari pasaran baru dan juga mengekspart terus ke negaro - negara pengimport.

Perdana Menteri berkata langkah mengekspart melalui negara jiran adalah satu jalan mudah yang bukan sahaja mengurangkan pendapaton negara tetapi mengurangkan pengetahuan para

pengekspart tentang pasaran dan personaliti yang penting dalam dunia perdogangan. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dengan mengendalikan terus eksport ke negara

**LIHAT MUKA 6**

# PM MAHU EKSPORT TERUS TANPA MELALUI NEGARA JIRAH

UM 24 DEC 1987

pengimport, pertumbuhan sektor **-sektor** perkhidmatan seperti **insurans** dan **pengangkutan** akan berkembang lebih pesat **lagi**.

**Beliau** seterusnya mengajak **para** pengusaha termasuk pengusaha **tekstil** di negara **ini** memboharui tekad tahun baru dengan **azam** meningkatkan mutu **pengeluaran** barangan yang mempunyai kualiti tinggi **bagi** menembusi posoran antarabangsa. Negara - negara yang **gagal** msngeluarkan barangan berkuoliti tinggi tidak akan **dapat** mengekalkan kedudukannya dalam

**pasaran antarabanga** dan pora pengusaha harus **memberi** perhotian serius **mewujudkan** keupayaan perindustrian berosaskan kualiti. "Budaya **kerja** yang mengutamakan kualiti **ini** akan **menjadiasas** yang akan mempertingkatkan **lagi** pertumbuhan perindustrian," katonya. Perdana Menteri **juga** memberitahu ketika **ini** defisit akoun perkhidmatan imbongan bayaran meningkat hampir \$10,000 **juta** dan kerajoon serta pengusoha hendaklah **sama-sama** berusaha **mengurangkan** defisit **ini** supaya tidak meningkat

**lagi**.

Mengenai kemelesetan ekonomi, **Perdana Menteri Berkata** walaupun keadaan itu berlaku tetapi negara - negara seperti Jepun, Korea **Selatan**, Taiwan dan Hong Kong telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang pesat kerana mencapai pertumbuhan pesat **dalam** perkilangan. Katanya, di negara **ini** **masalah** pertumbuhan industri ialah kos yang selolunya tinggi don oleh itu amatlah penting industrialis Malaysia mencari **jalan** mengurangkan kos melalui usaha sendiri iaitu **memberi**

perhatian **dalam** kecekapan pengurusan untuk meningkatkan produktiviti. "**Gaji** yang **rendah** mungkin menolong tetapi pekerja yang **rendah** gajinya yang menghasilkan produktiviti **rendah** tidak akan menolong mengurangkan kos dan di negaro **maju**, gaji **jauh** **lebih** tinggi tetapi mereka masih dapat **mengeluarkan** barangan **buatan** yang dipasarkan di **seluruh** dunia," katonya. **Beliau** berharap keadaan **ini** dapat dikaji dan ditiru jika poro pengusaho **ingin** berjaya **dalam** bidang industri.

**Perdana Menteri juga** memberitahu sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) **tahun ini dan kerajaan**